



Bengkel Eksplorasi Minda 2009

Oleh ; Wan Saniah Wan Yahya

Pelbagai usaha berterusan bagi membantu meningkatkan kecemerlangan para mahasiswa UniMAP. Bengkel Eksplorasi Minda 2009 merupakan program anjuran bersama di antara Unit Kaunseling JHEPA dan Unit Pengajaran Dan Pembelajaran Jabatan Canselori. Bengkel tersebut telah berlangsung pada 13-15 Mac 2009 bertempat di Timah Tasoh Lake Resort & Retreat. Bengkel yang berlangsung selama 3 hari 2 malam itu telah disertai oleh seramai 31 orang mahasiswa. Objektif program tersebut adalah bagi membantu para mahasiswa meningkatkan keyakinan diri, serta motivasi bagi mencapai kecemerlangan dalam bidang akademik dan kemahiran insaniah. Pelbagai aktiviti menarik termasuk ceramah motivasi, sesi Eksplorasi Minda serta sesi LDK turut dimuatkan sepanjang program berkenaan. Diharapkan melalui program-program sebegini dapat meningkatkan semangat para mahasiswa untuk lebih memajukan diri selaras dengan misi dan visi UniMAP.